



مَنْتَرِي بَسْرِي جَوْهَر

**MENTERI BESAR JOHOR**

MBJ.(KA)1/2014 ( 34 )

Tarikh : 05 Ogos 2014

**KATA ALU-ALUAN  
YAB DATO' MOHAMED KHALED NORDIN  
MENTERI BESAR JOHOR**

Bismillahirrahmannirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh  
Salam 1Malaysia dan Salam Muafakat Johor

Alhamdulillah, marilah kita menzahirkan rasa syukur kepada Allah SWT di atas limpah kurnia dan nikmat yang telah dianugerahkan-Nya kepada kita untuk memberi dan menyediakan perkhidmatan terbaik buat semua pihak.

Pertama sekali, saya ingin merakamkan penghargaan kepada seluruh warga kerja Universiti Teknologi Malaysia (UTM) di atas penganjuran Kejohanan Sukan Staf Universiti Malaysia (SUKUM) kali ke-39. Terima kasih diucapkan di atas penghormatan yang diberikan untuk saya menyampaikan sepatah dua kata dalam penerbitan buku program ini.

Di kesempatan ini, saya bagi pihak Kerajaan Negeri Johor amat mengalu-alukan kedatangan semua kontinjen dari IPTA-IPTA seluruh Malaysia ke Negeri Johor Darul Ta'zim. Kedatangan setiap peserta dan kontinjen dari pelbagai negeri pastinya dapat memeriahkan lagi sambutan majlis kejohanan SUKUM 2014.

Justeru, saya yakin bahawa SUKUM yang berlangsung kali ini mampu untuk memupuk semangat kerjasama serta setiakawan dalam suasana yang penuh muhibbah di kalangan semua pihak yang terlibat secara langsung mahu pun tidak langsung. Jalinan hubungan ini diharapkan dapat mewujudkan kemesraan dan persefahaman di kalangan staf IPTA, seterusnya mengekalkan hubungan yang baik antara mereka.

Syabas dan tahniah diucapkan kepada jawatankuasa pengelola di atas daya usaha yang ditunjukkan menerima cabaran dengan menganjurkan kejohanan SUKUM pada tahun ini. Pengelolaan kejohanan seumpama ini sebenarnya adalah satu pengiktirafan ke atas komitmen dan kemampuan pihak penganjur untuk mengurus serta mengendalikan satu acara sukan yang gilang-gemilang.

Akhir kata, semoga kejohanan Sukan SUKUM kali-39 ini akan dapat berlangsung dengan lancar, meriah dan sempurna berlandaskan semangat kesukanan yang ada. Selamat maju jaya kepada semua pasukan yang bertanding.

( **MOHAMED KHALED NORDIN** )